# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 17 | RABU 25HB APRIL, 1979. | 1399 راب 27 جمادي الاول | PERCHUMA


# ISTIADAT MENGORNIA DAN MENAIKKAN PANGKAT GELARAN





**GAMBAR atas kiri kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Negara Pengiran Haji Mohammad junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sa-telah selesai istiadat pengorniaan gelaran. Sementara gambar kanan pula kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengorniakan tauliah kenaikan pangkat gelaran kapada Yang Dimuliakan Lagi Di-Hormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman.**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan menaikkan pangkat gelaran dua orang Pehin Manteri dan sa-orang Manteri Ugama serta mengorniakan gelaran Cheteria kapada Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dalam satu istiadat yang berlangsong di-Lapau di-sini pada hari Khamis lalu.

Dalam istiadat yang di-hadhiri oleh Kerabat2 Diraja dan pembesar2 negara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menaikkan pangkat gelaran Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd Taha menjadi **Yang Dimuliakan Lagi Di-Hormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela**; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail menjadi **Pehin Orang Kaya Kesuma** sementara Yang Mulia Mudim Siraj bin Abdullah menjadi **Yang Dimuliakan Pehin Khatib.**

Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenaan mengorniakan gelaran **Yang Amat Mulia Pengiran Lela Negara** kapada Pengiran Haji Mohammad yang menjadikan-nya sa-orang Cheteria.

Di-antara yang hadhir di-istiadat tersebut ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Pembesar2 Negara, Pengiran2, Pehin2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Sementara itu, Istiadat Mengagai telah di-langsong petang semalam terhadap Yang Mulia Hajjah Dayang Masni bte Haji Masri.

Istiadat tersebut ada-lah sabagai persediaan bagi istiadat mengorniakan gelaran Pehin yang akan berlangsong pada hari Sabtu 28hb April.



Yang Mulia Hajjah Dayang Masni

## Mashuarat MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei yang telah di-tanggohkan pada minggu lalu akan di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Ahad 29hb April mulai jam 8.30 pagi.

Mashuarat itu antara lain akan membinchangkan beberapa achara yang akan di-sumbangkan oleh MBB sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei serta sambutan Awal Tahun Hijrah 1400.

## PELUANG MENGIKUTI KURSUS IKHTISAS DAN SA-PAROH IKHTISAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemohon2 ada-lah di-pelawa lagi untok di-pertimbangkan bagi mendapatkan Dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi menjalani kursus ikhtisas atau sa-paroh ikhtisas di-luar negeri mulai tahun 1979 ini.

Pemohon2 untok mendapatkan dermasiswa ini mesti-lah terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei serta mempunyai kelulusan matapelajaran Bahasa Melayu dalam pepereksaan S.A.P. (Perengkat Biasa)/GCE (Ordinary Level) atau yang sebanding dengannya.

Sa-tiap pemohon mesti-lah memenohi sharat2 akademik yang lazim bagi memasoki kursus yang di-pohonkan serta bersedia patoh kapada peratoran2 yang sedang dan yang akan di-tentukan kemudian.

Borang2 permohonan dan lain2 keterangan yang berkaitan boleh di-perolehi daripada Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 15hb Mei, 1979. Permohonan2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Pemohon2 yang memenohi sharat untok di-pertimbangkan akan di-temuduga pada suatu masa yang akan di-beritahu kelak.

Pelawaan ini ada-lah juga termasok untok pemberian Dermasiswa Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Kursus2 yang di-tawarkan dan kelulusan matapelajaran yang di-kehendaki di-siarkan di-muka 13.

## Kursus Penyeliaan dan Pengurusan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 12 orang Penolong Pentadbir, Kerani Tingkatan I, Penyelia2, Ketua Pembantu Teknik dan Pembantu Teknik Kanan dari 12 buah jabatan Kerajaan kini sedang mengikuti Kursus Prinsip2 dan Amalan Penyeliaan dan Pengurusan.

Kursus sa-lama empat hari itu bertujuan bagi membolehkan peserta2 mendalami pengetahuan tentang jentera2 Kerajaan untok menganalisa, memereksa dan mengamalkan prinsip2 penyeliaan dan pengurusan dan akan berakhir pada hari Sabtu.

Kursus tersebut ada-lah salah satu kursus yang di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan dan di-adakan di-Pusat Latehan di-Jalan Kumbang Pasang. Sa-masa kursus, peserta2 akan mendengar cheramah2 yang di-sampaikan oleh pagawai2 dari Yunit tersebut.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

25HB APRIL, 1979

## KA-ARAH PERKEMBANGAN SASTERA

KEHADHIRAN tokoh2 sastera dari Semenanjong Malaysia ka-negeri ini tentu sekali memberi suatu aspirasi yang bukan sedikit kapada peminat2 sastera apa-tah lagi bagi penulis2 pada menuju dan menambah kepandaian mereka pada mengolah dan memperdagangkan hasil sastera sa-bagai penyedar dan pembentok masharakat.

Peranan sastera dalam membentok masharakat memang tidak perlu di-sangkal lagi kerana ia sudah menjadi kenyataan pada sa-tengah2 masharakat dunia di-sekeliling kita, malah kerana hasil sastera-lah masharakat dapat mengubah dan menyusun diri-nya dalam bentok mana yang perlu bagi-nya berkembang dan berada pada menchapai keharmonian dan ketenteraman hidup.

Pengolahan satu2 hasil sastera berpuncha dari amatan realiti hidup yang berlaku dalam masharakat itu sendiri dan dari amatan itu ia-nya di-kritik mana yang tidak patut untok di-amalkan oleh masharakat itu pada menyesuaikan diri-nya dalam perkembangan kemajuan tamaddun dunia bersandarkan kehormatan dan kedaulatan bangsa itu. Dari amatan yang dihasilkan sa-bagai karya sastera — penulis perlu sekali berusaha menghasilkan daya penulisan yang bijaksana supaya karya-nya memberi kesan apa yang di-harapkan.

Lantas sastera yang keselurohan-nya tergolong dalam bentok penulisan amat sedikit kesan-nya pada membimbing dan membentok masharakat kita dinegeri ini yang bukan sahaja berpuncha kapada satu faktor penyebab kenapa berlaku demikian.

Pada kita memang sudah ada penulis yang berpotensi sa-bagai penulis. Tetapi ketiadaan masharakat kita dapat di-bentok oleh peranan sastera bersebab dalam dua perkara besar, pertama ketiadaan saloran sastera yang meluas (chuma radio dan sedikit2 majalah) bagi penulis menghasilkan karya mereka dan kedua, jumlah masharakat yang menekmati karya itu amat sedikit kerana ada-nya golongan yang tidak mengenal penulisan dan pembachaan.

Mudah2an dengan kehadhiran penulis2 jiran tersebut bersemuka dengan peminat2 dan penulis2 tempatan biar pun dalam tempoh yang sengkat penulis2 kita akan dapat mengorak langkah pada memajukan bakat penulisan mereka kapada yang lebeh bererti lagi kalau pun tidak sa-tanding dengan kebolehan yang ada pada penulis2 jiran itu.

Dan untok memainkan tanggong-jawab ini kita tentu berasa yakin bahawa ada-nya bengkel penulis yang di-inisiatifkan oleh Radio Talivishen Brunei pada membimbing bakat2 penulis yang sudah pun berjaya mendepankan beberapa muka baru dalam penulisan drama dan cherpen akan terus berkembang malah berjaya lagi.

Dalam pada itu peranan Asterawani juga jangan sampai hanya sa-bagai badan untok mengumpolkan manusia2 penulis sahaja, namun inisiatif-nya sa-bagai tuan rumah kapada rombongan yang baru melawat itu patut sekali di-jadikan sa-bagai urutan lanjut langkah bagi melahirkan dan menimbulkan berbagai karya dari jiwa2 penulis yang terkumpol, dan kita merasa bangga atas chita2 Asterawani yang berusaha mengadakan peraduan menulis nobel sempena negara kita menchapai kemerdekaan-nya pada tahun 1983. Semoga dengan kemajuan usaha yang di-gerakkan itu Asterawani akan terukir sa-bagai pengujud kemajuan sastera.

Di-samping itu sa-bagai sa-buah badan kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka tentu tidak mahu ketinggalan dalam usaha kita memperbaiki dan memelihara nilai2 hasil sastera dari penulis2 tempatan supaya dengan peranan demikian negara dan masharakat Brunei akan sentiasa berbangga dengan khazanah sastera dan kesusasteraan bangsa-nya.



SALAH sa-orang penuntut yang telah menyertai peraduan Sharahan Ugama.

# ENAM DI-PILEH MEWAKILI DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT.— Enam orang penuntut dari Sekolah2 Ugama Daerah Belait yang telah munchol sa-bagai johan dalam Peraduan Membacha Kor'an dan Sharahan Ugama akan mewakili daerah itu ka-Peraduan Perengkat Negeri yang akan di-langsong di-ibu negeri dalam bulan Julai hadapan.

Empat orang akan mewakili dalam peraduan membacha Kor'an dan dua orang dalam peraduan sharahan ugama.

Mereka ia-lah Awang Idris bin Abdul Rashid dan Awang Hasnol bin Osman kedua2-nya dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah yang akan mewakili dalam peraduan membacha Kor'an Lelaki A dan B.

Bahagian Perempuan A akan di-wakili oleh Dayang Noorhayati binte Abdul Wahid sementara Dayang Rohani bte Abdul Wahid akan mewakili dalam bahagian Perempuan B. Kedua2 peserta itu ia-lah dari Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin.

Dua orang yang akan mewakili dalam peraduan sharahan ia lah Awang Idrus bin Ibrahim dan Dayang Aminah bte Razali kedua2-nya dari Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin.

Ke-enam2 orang penuntut itu telah di-pileh dalam satu peraduan perengkat daerah yang telah di-adakan di-sini pada minggu lalu.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Pelajaran Ugama itu telah di-rasmikan oleh Pengurus Pelajaran Ugama, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam peraduan tersebut.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula dari 19hb April, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. UDANG KERING — $6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Ming Thai Company, No. 32 Jalan Sultan.
   b) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
   c) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
2. ASAM GELUGOR — $4.30 sa-kati boleh di-beil dari kedai2 berikut:— Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
3. KACHANG HIJAU — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Sharikat Haji Abd Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
   b) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. UDANG KERING — $6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   b) Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty.
   c) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Sharikat M. Haji, No. D2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   b) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   c) Chop Kim Hing, Bangunan Foo Chow.

SERIA :

1. UDANG KERING — $6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   c) Yuan Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   d) Haji C. A. Mohammad, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
   e) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Sultan Omar Ali.
2. ASAM GELUGOR — $4.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Siong Huat, No 40, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   c) Yuan Ho Hing, No. 49-B Jalan Bunga Kuning.
   d) Soon Kheng, No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
   e) Haji C. A. Mohammad, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   d) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 28hb April, hingga 2hb Mei, 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 28.4.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Lamunin | 28.4.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Kiudang | 28.4.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 30.4.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 30.4.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 1.5.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 1.5.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 2.5.1979 | Rabu | 8.30– 9.00 ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 2.5.1979 | Rabu | 10.00–10.30 ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 2.5.1979 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sg. Besar | 2.5.1979 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |

## Perkhidmatan terus-menerus

BANDAR SERI BEGAWAN.—Ketua Pos Agong mengumomkan bahawa mulai dari 1hb Mei depan, semua perkhidmatan pos yang ada sekarang di-Pejabt Pos Lapangan Terbang Antarabangsa akan di-jalankan terus menerus dari jam 7.30 pagi hingga 4.00 petang pada tiap2 hari bekerja, kechuali perkhidmatan2 kiriman wang yang hanya di-jalankan dari jam 7.30 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari jam 1.15 petang hingga 3.30 petang.

## Bekalan letrik di-potong

BEKALAN letrik ka-selurohan Kampong Jerudong dan Jerudong Park akan di-potong salama lapan jam ia-itu dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari ini, 25hb April, 1979. Pemotongan itu ia-lah bagi membolehkan pekerja Jabatan Letrik menyambong bekalan letrik steshen kechil yang baru dari kilang batu-bata di-kawasan tersebut.



Pengiran Haji Mohammad receiving 'Chiri' from Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya prior to his installation as a Cheteria with the title of Yang Amat Mulia Pengiran Lela Negara.

# FOUR HONOURED

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah made Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad Ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman a Cheteria at an installation ceremony held at the Lapau last Thursday afternoon.

Pengiran Haji Mohammad is now known as Yang Amat Mulia Pengiran Lela Negara Pengiran Haji Mohammad.

At the same ceremony, His Highness promoted three persons. They are Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman who is now known as Yang Dimuliakan Lagi Dihormati, Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela, Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali as Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Kasuma; and Yang Mulia Mudim Siraj as Yang Dimuliakan Pehin Khatib.

The ceremony was witnessed by the state dignitaries including the British High Commissioner, Mr Arthur Watson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Jefri Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias and senior government officials.

## Child care techniques

BANDAR SERI BEGAWAN. — Demonstrations in Child Care had been held in four clinics in the Brunei Muara and Belait districts.

The demonstrations, organised by the Medical and Health Department in conjunction with World Health Day, were held at the Kampong Lorong Dalam and Kampong Labi clinics last Thursday and at Kampong Bunut and Kampong Serasa clinics yesterday.

Similar demonstrations will be held at Kampong Lamunin clinic today and at the Kampong Setia clinic tomorrow.

On May 8, the demonstrations will take place at the Kampong Sungai Liang clinic while on June 5, they will be held at the Kampong Bukit Sawat clinic.

All mothers, mothers-to-be and other interested parties are invited to see the demonstrations.

## Rice scheme underway

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of one thousand two hundred and fifty acres of land in the Kampong Panchor Murai and Wasan areas have been cleared and prepared for rice cultivation.

More than sixty acres of this land will be planted with rice seedlings soon.

It has been estimated that about five thousand dollars will be spent on an acre of land used for double cropping.

The project is being implemented jointly by the Agriculture and Public Works departments.



Eighteen blind people received braille watches from a Singapore-based company, Gilman Private Limited, at a ceremony held last week at the Youth Centre in Bandar Seri Begawan.

The ceremony was attended by among others the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein and the Deputy Director of Medical and Health Services, Dato Paduka Haji Johar.

A representative of the company, Mr. William Goh is seen above presenting a watch to one of the recepients.

## Three at Asian Pacific Forum

BANDAR SERI BEGAWAN. — Three members of the Brunei State Youth Council are representing Brunei at tht Sixth Asian and Pacific Forum now being held in Manila.

The three are Awang Zainal bin Haji Momin, Pengiran Yusof bin Pengiran Anak Hashim and Awang Ahmad bin Abdul Rani.

The week-long forum the theme of which is 'Regional Cooperation' was declared open by the Philippines First Lady, Mrs Imelda Marcos.

Besides discussions, the forum includes visits to housing development projects and padi planting schemes.

## Fire Brigade Cadets Camp

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sixty-five fire brigade cadets and four instructors attended a three-day camp held at the Karangan resort area in the Temburong District from Monday to Wednesday last week.

The cadets were from the SOAS College Junior, the SMJA Secondary Malay School, the Berakas English School and the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

On the second day of the camping, the Deputy Controller of Fire Brigade, Awang Yaakub bin Haji Mohammad Yusof, the Superintendent of Secondary Education, Awang Alihashim bin Haji Mohammad Daud and other officers from the Fire Brigade and Education Department visited the camp to see how the cadets were getting on.

## High Commissioner visits station

BANDAR SERI BEGAWAN. — The British High Commissioner, Mr Arthur Watson and his wife last Tuesday visited the various agricultural stations in the State.

Mr and Mrs Watson were accompanied by the Director of Agriculture, Mr R B Woodroofe and the Deputy Director, Awang Abdul Hamid bin Jaafar.

Their itinerary included the cattle breeding and grassland project at Luahan in Jerudong, the Luahan student settlers project, the Government commercial rice development project in Wasan, Kampong Panchor Murai, and the Sinaut Agricultural Training Centre in the Tutong District.

At each of the places they visited, the High Commissioner and his wife were welcomed and briefed by the officers in charge.

## Debating Contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Music and Arts Section of the Education Department is now organising a debating contest for lower and secondary schools in the State.

The contest to be held in September is divided into two sections — English and Malay.

Entry forms are available from the Department and should be returned not later than the end of June.

## Money Order Service

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Postal Services Department will start a money order service in the International Airport Post Office and the Muara Post Office as from May 1.

The service will include acceptance of ordinary money orders and payment of both ordinary and telegraph money orders.



The Brunei Women's Institute distributed gifts to twenty-six handicapped children at the General Hospital as part of its programme to mark World Health Day recently.

The gifts were presented by the BWI adviser, Datin Hajjah Masni binte Haji Ali, who is also the State Biologist, at a ceremony held at the General Hospital.

Datin Hajjah Masni (nearest the camera) is seen above handing a gift to the mother of one of the children.



Forty members of the Brunei Women's Institute returned home on Saturday after a five-day goodwill visit to Bangkok as guests of the National Council Of Women Of Thailand, NCWT.

Besides meeting NCWT members, they were taken on a tour of the various places of interest in the Thai capital.

The BWI members led by their chairman, Dayang Marhani binte Abdul Latif (wearing sunglasses eighth from the left) are pictured above at the International Airport just before their departure for the Thai capital.

# KHIDMAT CHEMERLANG UKORAN DI-SISI ALLAH

SALAH satu sifat yang penting bagi menentukan khidmat2 yang chemerlang dalam hidup ini, ia-lah sifat jujor, lurus dan amanah dalam semua lapangan pekerjaan kita. Orang2 Islam tidak di-beri pilehan lain, melainkan wajib mengamalkan sifat2 ini. Banyak ayat2 Al-Kor'an dan Hadith2 Nabi yang menuntut ka-arah itu.

Dengan lain perkataan, perkhidmatan yang chemerlang itu, mesti-lah di-ukor dari dua sudut: pertama sudut kemanusiaan dan kedua sudut ketuhanan. Tetapi yang benar dan hak, hendak-lah di-sandarkan kapada ukoran di-sisi Allah, yakni di-teropong melalui sudut ketuhanan ini. Sebab ukoran timbangan manusia itu maseh boleh di-praktikkan, sa-orang mengatakan ini baik dan jujor berdasarkan hasil tangan atau budi bichara-nya, tetapi siapa pula yang tahu niat di-sabalek-nya pekerjaan-nya itu? Bukan tidak ada orang2 yang bekerja kerana nama, kerana mahu sanjongan dan lain2, dan kerana tujuan2 itu, ia bekerja dengan gigih, tekun dan berhempas pulas. Kerana itu ia berhasil dalam pekerjaan-nya itu.

Dari sudut kemanusiaan, perkara ini tidak jarang mendapat nilaian yang tinggi, sebab siapa-kah yang tidak terpesona dengan kerja2 yang chemerlang itu? Tetapi di-sisi Allah tidak demikian hal-nya, bahkan orang sa-macham ini amat di-kecham keras, sa-bagaimana firman Allah dalam surah Al-Anfal ayat 47 yang bererti: *"Dan jangan-lah kamu sa-rupa dengan orang2 yang keluar dari rumah-nya (pergi bekerja) kerana kesombongan dan ingin di-lihat orang, serta menghalangi dari jalan Allah, dan Allah itu mengetahui sa-penoh-nya apa yang mereka kerjakan"*.

Demikian-lah, sa-tiap amal itu di-nilai menurut niat yang mendorong-nya. Oleh sebab itu, sa-tiap pekerjaan yang di-lakukan sa-mata2 kerana Allah, ada-lah amal yang paling berharga di-sisi Allah. Sa-balek-nya suatu pekerjaan yang di-lakukan dengan niat hendak menchari sasuatu, saperti menchari nama atau supaya di-lihat dan di-kenal orang, maka semua itu tidak ada harganya pada sisi Allah. Ini di-namakan ria atau sam'at, ia-itu bekerja kerana hendak meminta di-puji. Rasulullah telah mensifatkan penyakit ria itu sa-bagai shirik kechil.

Oleh hal yang demikian, wahai kaum Muslimin! Sesuai dengan thema sambutan Maulud Nabi pada tahun ini, ia-itu Berbakti Kapada Negara Kerana Allah, mari-lah kita sama2 membena azam, melakukan satiap pekerjaan untok negara itu dengan ikhlas kerana hendak menunaikan kewajipan dan tanggong-jawab, bukan kerana nama atau lain2 kepentingan, melainkan kerana menurut keredhaan Allah. Kita jadikan bakti kapada negara itu suatu ibadat, pengorbanan yang berupa apa sahaja kapada negara, baik berupa tenaga, sumbangan fikiran, harta dan bahkan jiwa, hendak-lah di-lakukan dengan niat kerana Allah. Sebab, ini sahaja yang bernilai di-sisi Allah, dan salain itu, kerana hendak menchari nama dan pujian orang ramai, ada-lah tertolak dan tidak berharga pada sisi Allah.




Di-umpamakan nafkah dan pengorbanan kerana hendak menchari keredhaan Allah itu sa-bagai sabuah kebun yang subor di-tanah yang tinggi, yang senantiasa di-timpa hujan dan hasil-nya berlipat-ganda. Jika tidak ada hujan tetapi gerimis tetap ada, sa-hingga kebun itu tidak pernah mengalami musim kering. Sa-balek-nya pengorbanan kerana ria, menchari nama dan ingin di-puji orang, di-umpamakan sa-bagai tanah yang terletak di-atas batu lichin, kemudian di-timpa oleh hujan lebat, akhir-nya tanah itu habis sama sa-kali. Erti-nya usaha yang tidak ikhlas itu tidak ada berkat-nya, akan menjadi sia2 dan tidak mendatangkan sa-barang pahala.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb April, 1979 hingga ka-hari Selasa 1hb Mei, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 26hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 27hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 28hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 29hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 30hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 1hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Merendah diri

## Bingkisan minggu ini

MERENDAH diri ada-lah suatu sifat yang terpuji dan patut untok di-mileki oleh sa-tiap insan. Dengan tertanam-nya sifat ini di-sanubari kita, ini bererti kita tidak akan mudah membangga diri, sombong dan bongkak kerana sifat merendah diri ini telah dapat mempengarohi sifat-sifat yang tidak di-ingini itu.

Apabila saja sa-seorang itu telah benar2 memileki sifat merendah diri ini, sudah tentu-lah ia akan mempunyai banyak sahabat handai dan taulan Ini ada-lah di-sebabkan sifat merendah diri ini telah dapat menarek minat orang yang berada di-sekeliling sa-hinggakan mahu untok bersama-sama. Tapi lain hal-nya pula bila sa-seorang itu bermegah-megah, bongkak dan sombong, tentu-lah orang lain tidak akan ingin untok menghampiri, malah akan membenchi, dan menyumpah seranah. Ini ada-lah di-sebabkan oleh sikap kita yang ingin berlagak-lagak dan membesar-besar diri itu.

Chuba kita bayangkan, apa akan terjadi jika kita sa-bagai salah sa-orang yang penting ataupun saakan2 penting yang mempunyai banyak pengaroh. Kita mempunyai sikap lemah lembut, berbudi bahasa, tidak menampakkan tanda2 membesar-besarkan diri. Pendek-nya kita ada-lah bersikap saperti biasa saja dengan tidak menampakkan apa2 tanda keangkuhan dan kesombongan. Tentu-lah hasil-nya akan membuahkan sa-suatu yang baik juga. Orang2 di-sekeliling kita tidak akan 'galat2' untok sama2 berunding, berbinchang, bertukar-tukar fikiran dengan jujor dan tulus ikhlas. Jika kita suroh mereka itu membuat itu dan membuat ini, tentu-lah apa2 yang di-suroh itu akan berjalan dengan sempurna dan teratur tanpa ada-nya nada2 sungutan.

Ini ada-lah di-sebabkan kemesraan telah terjalin antara kedua belah pehak dan sa-olah2 tidak ada menampakkan jurang perbezaan. Tapi apa hal-nya jika kita menampakkan ketinggian kita? Kita akan di-katakan sa-bagai orang yang sombong dan tidak ingin hendak memperduli sana dan memperduli sini. Hasil-nya tentu-lah membuahkan sa-suatu yang tidak di-ingini. Orang lain akan merungut sana dan merungut sini, kurapak sana dan kurapak sini dan pendek-nya mereka melahirkan nada2 yang tidak puas hati.

Ini ada-lah di-sebabkan jurang perbezaan ada-lah terlalu jelas. Tidak mahu gaul sana dan gaul sini, champur sana dan champur sini.

Dan tidak mustahil apa2 yang di-suroh tidak akan di-buat dengan penoh kejujoran, walaupun ia patut berbuat begitu. Ia di-buat sa-olah2 terpaksa dan bukan dengan kerelaan sendiri. Ini-lah suatu chontoh yang jelas mengenai dengan orang2 yang merendah diri dan juga orang2 yang sombong, bongkak dan bangga diri.

Dalam Al-Kor'an telah terang dan jelas tentang larangan bersifat sombong, bongkak dan membangga diri ini. Ini akan kita dapati dalam Surah Isra' ayat 37 yang maksud-nya kira2: *"Dan jangan-lah kamu berjalan di-muka bumi ini dengan sombong, kerana sa-sunggoh-nya kamu sa-kali2 tidak akan menembus bumi dan sa-kali2 kamu tidak akan sampai sa-tinggi gunong"*.

Begitu-lah larangan Allah s.w.t. supaya kita jangan sa-kali2 bersifat sombong, bongkak dan bangga diri. Di-samping itu, di-sa-balek larangan tadi kita dapat mentafsirkan-nya, yang kita di-suroh bersifat merendah diri kapada semua insan. Ini bukan pula bererti orang yang merendah diri itu ia-lah orang bawahan. Tapi, sa-benar-nya sifat merendah diri ini ada-lah untok di-mileki oleh sa-tiap insan, agar dengan itu nanti sa-tiap individu akan hormat-menghormati dan suka-menyukai antara satu dengan yang lain.

Tentu-nya tidak akan ujud dendam-mendendam, intai-mengintai, tidak puas hati, marah, geram dan sa-bagai-nya kerana sifat sombong, bongkak dan megah diri ini telah terpengaroh oleh sifat merendah diri. Juga tidak bererti; orang2 merendah diri ini ada-lah orang2 yang membenar-benarkan diri, yang mana bertujuan untok mendapatkan sa-suatu hasil daripada sikap-nya itu.

Sa-benar-nya kita manusia ini ada-lah sama saja. Sama2 mempunyai hati dan perasaan. Kalau kita menyukai sa-suatu yang baik, orang lain tentu juga suka. Begitu juga sa-balek-nya, kalau kita tidak suka suatu yang tidak baik, sudah tentu-lah orang lain juga tidak menyukai-nya. Sombong, bongkak dan megah diri ada-lah sa-suatu yang tidak di-ingini dan malahan menimbulkan perasaan geram dan marah. Tapi sikap merendah diri ada-lah yang di-ingini dan patut untok di-mileki.

# Memelok Ugama Islam

TUTONG. — Sa-orang gadis Iban berasal dari Mendeiam, Ulu Belait, Adu anak Lagok, kini di-kenali sa-bagai Dayang Faridah bte Abdullah sa-telah melafadzkan ikrar Islam-nya dalam satu majlis yang di-adakan di-rumah Awang Saman bin Lamat, Kampong Menengah, Lamunin baru2 ini (lihat gambar bawah ehsan dari JHEU).

Sementara itu bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri telah juga di-langsongkan pengIslaman ka-atas Simi anak Ayuk, 23 tahun, berasal dari Sarawak. Ia kini di-kenali sa-bagai Md Sofian bin Abdullah. Kedua2 saudara baru Islam itu melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Hj Ismail bin Mat Serudin.



Md Sofian bin Abdullah.

Manakala di-daerah Temburong bertempat di-Pusat Gerakan Dakwah sa-orang gadis China, Chok Yen Choi, 17 tahun, telah juga memelok Ugama Islam di-hadapan YDM Pehin Datu Pekerma Dewa Hj Abd Rahim bin Akim dengan di-saksikan oleh beberapa orang pegawai dari Pejabat Ugama di-daerah itu. Dia kini di-kenali sa-bagai Ummikalthum bte Abdullah.



# Mashuarat Agong PERTIWI

BANDAR SERI BEGAWAN.— Mashuarat Agong tahunan Persatuan PERTIWI Brunei dan sambutan sempena ulang-tahun ke-10 penubohan persatuan tersebut akan di-adakan pada 29hb April ini.

Ia-nya akan di-adakan di-Pusat Belia di-ibu-negeri mulai 9.30 pagi.

Antara achara-nya termasok-lah persembahan hadrah, nashid, zikir dan pameran mengenai aktiviti2 persatuan itu.






# HARI TERBUKA

DALAM usaha memberikan penerangan yang sa-patut-nya kapada belia2 di-negeri ini yang maseh menchari pekerjaan yang bersesuaian pada mereka, hari Isnin minggu lalu Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan satu pertunjokan hari terbuka yang memperlihatkan beberapa perlengkapan yang di-mileki oleh pasokan itu kapada belia2 berkenaan menerusi kerjasama dari Jabatan Buroh.

Dengan pertunjokan hari terbuka itu yang di-adakan di-Bolkiah Kem, Berakas, jelas-lah betapa kerjaya sa-bagai anggota askar juga tidak ketinggalan untok memberikan suatu nilai pekerjaan yang sa-baik2-nya pada sa-seorang raayat apa-tah lagi untok belia2 yang menjadi harapan bangsa yang maseh terkatong-katong tanpa sa-barang pekerjaan ketika ini.

Justeru itu berkhidmat-lah untok bangsa dan negara, tenaga para belia amat di-hargai bagi menjiwai pasokan bersenjata kita yang ketika ini sudah mempunyai berbagai kelengkapan tentera yang up to date.

**KELIHATAN dalam gambar di-atas sa-bahagian dari kelengkapan tentera yang berupa kereta perisai jenis Scorpion sedang di-saksikan oleh belia2 ini dalam pertunjokan hari terbuka tersebut.**

# KDB PEJUANG DI-BAIKI

KAPAL peronda yang terbesar sa-buah dari tiga buah yang di-mileki oleh Pasokan Angkatan Laut Pertama di-Muara, KDB Pejuang telah di-tarek ka-atas limbongan untok di-perbaiki.

KDB Pejuang yang di-pesan dari Singapura pada tahun 1977 dan sampai ka-dermaga Angkatan Laut Pertama AMDB pada 18hb Disember, 1978 untok menambah kekuatan pengawalan pasokan itu di-perayeran negeri ini.

Kerja2 membaiki yang di-lakukan ka-atas kapal peronda itu di-jalankan di-limbongan sementara di-pengkalan lama pasokan itu. KDB Pejuang berukoran 37 meter panjang dan 225 tan berat akan menjalani kerja2 pemeliharaan, pegubah-suaian dan chat baru.

Kini Angkatan Laut Pertama maseh menunggu persiapan limbongan baru yang terletak di-dermaga angkatan tersebut yang boleh menampong dan mengendalikan pemeliharaan bagi sa-buah kapal sachara 'synchrolift' yang di-jangka siap dalam bulan Julai depan.

Limbongan pemeliharaan yang ada ketika ini adalah merupakan tempat pemeliharaan sementara yang hanya boleh mengendalikan kapal sa-berat hingga 300 tan dan akan di-kembalikan kapada kerajaan sa-telah limbongan baru bagi pasokan itu siap.

## KA-HONGKONG

**KAPTAN Latif bin Awang Damit, Ajutan Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB telah bertolak ka-Hong Kong untok mengikuti pepereksaan menyelam (Club Instruction Examination) sa-lama sa-minggu.**

**Beliau ada-lah merupakan pegawai pertama dari pasokan itu yang mengambil peperek-saan berkenaan. Kaptan Latif telah berlepas ka-Hong Kong pada hari Rabu, 18hb April lepas dan di-jangka pulang pada hari ini.**



**DALAM temasha sokan tahunan penuntut2 Maktab SOAS (S) yang telah di-langsongkan pada 11hb April, 1979 yang baru lalu bertempat di-Padang Sekolah Menengah SMJA di-ibu-negeri, Pasokan Serunai dan Tambor Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei di-bawah pimpinan Sgt Murah bin Lakim telah turut menyerikan lagi temasha tersebut. Kelihatan dalam gambar di-atas pasokan tersebut ketika mempertunjokkan permainan mereka sambil berjalan lalu di-temasha itu.**

# Menderma darah

SA-RAMAI 39 orang pegawai dan anggota Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB telah melakukan pendermaan darah sa-chara beramai-ramai kapada Tabong Darah di-Rumah Sakit Besar ibu-negeri.

Pendermaan darah tersebut telah di-laksanakan oleh kaki-tangan pengambilan darah bertempat di-Pusat Kesihatan Angkatan Laut Pertama pada hari Isnin, 16hb April yang baru lalu.

Dengan derma itu lebeh 70 pint darah telah di-dermakan oleh Pasokan Angkatan Laut Pertama sejak derma darah yang di-lakukan pada akhir bulan Disember lepas.



**KELIHATAN dua orang anggota Angkatan Laut ketika mendermakan darah mereka yang di-lakukan oleh kaki-tangan bahagian pengambilan darah ibu-negeri.**



**KELIHATAN gambar sa-buah dari pasokan yang mengandongi tiga orang anggota melaporkan diri sa-telah melakukan perantisan kapada pegawai penchatet masa.**

SOKAN merantis antara yunit Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei kali ketiga yang telah di-langsongkan pada 10hb April yang baru lalu telah di-menangi bagi yunit2 terbesar oleh pasokan dari yunit Battalion Pertama dan Battalion Kedua di-tempat kedua.

Dalam yunit kechil johan di-menangi oleh pasokan Chawangan Udara manakala tempat kedua dari yunit Pusat Latehan.

Sa-banyak 20 tempat telah di-tetapkan bagi kunjongan sa-tiap pasokan yang mengambil bahagian yang terdiri dari 372 orang anggota yang bermula dan berakhir di-Pantai Tungku Gadong.



**MENELITI kedudokan tempat2 yang perlu di-rantis dan menentukan tempat mana yang perlu di-kunjongi oleh pasokan ini ada-lah satu tindakan pakatan yang perlu pada melahirkan kepimpinan dan kerjasama gerakerja yang berjaya.**

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 25HB APRIL,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 STAR TREK — "By Any Other Name"

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 STAR TREK — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 PAPER CHASE

7.43 AZAN ISHA

7.47 PAPER CHASE — sambongan

8.00 DR IN CHARGE — "The Garden Fete"

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 SHOW OF THE WEEK — "Shirley Bassey"

9.55 PERLAWANAN GUSTI

10.45 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 26HB APRIL,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 BIG BLUE MARBLE

6.30 DR WHO — "Terror of the Zygons"

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 DR WHO — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE BIG VALLEY — "By Fires Unseen"
Nick baru tiba dari perjalanan bersama tunang-nya, Hester Converse. Keluarga Barkley terkejut dengan pertunangan-nya itu, tapi menyambut Hester yang chantek itu dengan baik dan mengajak-nya supaya menyertai rombongan keluarga mereka berkhemah di-'High Sierras' sa-bagai achara tahunan mereka.

7.43 AZAN ISHA

7.47 THE BIG VALLEY — sambongan

8.00 HIDAYAT

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 DOKUMENTARI MELAYU : Audubon Wildlife Theatre "Living Wilderness"

9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU

11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 27HB APRIL,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 THE FLOWER STORIES

5.45 CLOPPA CASTLE — "The Frog Prince Caper"
Puteri Tizzibel di-didek dengan satu pelajaran yang memeningkan di-mana sa-orang putera yang telah bertukar menjadi sa-ekor katak tidak lagi saromantik dulu.

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG

6.30 THE FAMOUS FIVE — "Five Go Off to Camp — Bahagian pertama.
Musim chuti yang menarek berkhemah di-padang yang jauh dari gangguan orang. Tapi sa-lepas itu kumpolan "The Five" mendengar bunyi keretapi yang datang merangkak keluar dari saloran yang gelap — satu misteri yang mesti di-selesaikan.

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 THE FAMOUS FIVE — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE GENERATION GAME

7.43 AZAN ISHA

7.47 THE GENERATION GAME — sambongan

8.00 MORK AND MINDY — "Mork Goes Erk"
Mindy merasa sedeh bila Mork menjatohkan kotak bom-nya yang menunjokkan dia telah di-perentahkan untok meninggalkan dunia.

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 PERTANDINGAN NYANYIAN AMATEUR ASIA PERENGKAT NEGERI — TOKYO

10.00 QUINCY — "Gone But Not Forgotten"

10.50 NIGHT GALLERY — "The Different Ones"

11.50 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 28HB APRIL,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 THE ADVENTURE OF GULLIVER "The Perils of the Lilliputs"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SESAME STREET

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 SESAME STREET — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DALLAS — "Julie's Return"

7.43 AZAN ISHA

7.47 DALLAS — sambongan

8.00 TAHU-KAH AWDA

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 STARSKY AND HUTCH — "Photofinish"
Starsky dan Hutch terlibat dalam pembunohan sa-orang pelukis yang chantek Troy Braddock, dan menyiasat jenayah ini.

9.55 PREMIER SOCCER

10.45 TAYANGAN MALAM SABTU — "The Rate Race"
Sa-orang ahli muzik rentak Jazz, Pete Hammond Jr. datang ka-New York untok menchari nama dan kekayaan tapi berjumpa dengan Peggy Brown yang menarek dan mendapati yang kehidupan di-bandar besar lebeh menyusahkan dari apa yang di-harapkannya.

12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 29HB APRIL,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Kapal"

5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Party Games"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 HOW

6.30 SOLDIER AND ME

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 SOLDIER AND ME — sambongan



**PARA peminat siri "The Paperchase", tentu tertanya2 apa-kah kesah yang bergolak dikalangan pelajar2 undang2 tahun satu kali ini. Untok mempastikan-nya jangan lupa untok menyaksikan episod minggu ini yang berjudol 'Once More With Feeling' saperti biasa pada hari Rabu jam 7.10 malam.**

**Kelihatan barisan2 kumpolan pelajar yang menjayakan siri ini bersama John Houseman (kanan) yang memegang peranan utama sa-bagai Professor Kingsfield dalam siri ini.**

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 RETURN OF THE SAINT — "Duel in Venice"
Saint menerima bantuan dari sa-orang pengayoh sampan di-Venice bila kehidupan anak kapada kawan-nya dijadikan umpan untok memanching Saint ka-dalam lokap yang di-sediakan oleh sa-orang pembunoh yang ganas.

7.43 AZAN ISHA

7.47 RETURN OF THE SAINT — sambongan

8.00 WKRP IN CINCINNATI — "Love Return"
Bersiar2 dengan Johnny Fever dan Venue Fly Trap ada-lah di-tawarkan sa-bagai hadiah dalam satu perlawanan, dan kekaseh Andy yang lama, saorang penyanyi yang terkenal, meminta-nya untok membuat pilehan antara dia dan kerja-nya di-WKRP.

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MARI GEMBIRA

9.45 DRAMA : LILLIE — "Let Them Say"

10.30 THAT'S HOLLYWOOD — "Hollywood Bad Girls"

11.05 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 30HB APRIL,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 MAYA — "The Witness"

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 MAYA — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 CHARLIE'S ANGELS — "Terror on Skis" — Bahagian pertama

7.43 AZAN ISHA

7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan

8.00 DESA MEMBANGUN

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 HOW THE WEST WAS WON — "Rustler"
Jessie jatoh chinta kapada sa-orang asing yang kachak, Bob Cooper, siapa yang tidak bersedia untok menyertai ranchangan untok menchuri kuda, yang berkeputusan dengan kechelakaan.

11.05 F.A. CUP SOCCER

11.55 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 1HB MEI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SESAME STREET

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 SESAME STREET — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 AMERICAN GIRLS — "A Crash Course in Survival"
Keputusan dan tindakan pemberita, Amy Waddell yang telah menyelamatkan teman-nya, Rebecca Tomkins bila kemudian-nya kapal yang di-sewa itu di-paksa untok mendarat di-kawasan hutan yang terpenchil.

7.43 AZAN ISHA

7.47 AMERICAN GIRLS — sambongan

8.00 SERIKANDI

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 ARENA SOKAN

9.25 DOCUMENTARY — WHICKER'S WORLD : INDIA "Elephants Go in all the Gardens — They're just like Rabbits". Di-bahagian kedua pengembaraan-nya ka-seluroh India, Alan Whicker sampai ka-Banjaran Malabar dan menjumpai tanah kechil yang terpenchil yang di-anggapnya saperti shorga.

9.55 THE SANDBAGGERS — "Always Glad to Help"

10.45 SIARAN TAMAT.

# Tahu-kah Awda mengapa mereka geli hati?



*. . . Kerana Jennifer telah jatoh ka-dalam ayer*



SAKSIKAN "PERMAINAN MINGGU INI" DALAM PUSINGAN SUKU AKHIR "TAHU-KAH AWDA" PADA HARI SABTU 28HB APRIL JAM 8.00 MALAM.



PENERBIT Dunia Wanita, Dayang Salmah Abdul Rahman (kiri) sedang mengadakan temu-ramah dengan wakil2 Pertubohan W.I. Brunei yang kembali dari Persidangan Wanita Desa Sedunia di-Kuala Lumpur baru2 ini. Radio Brunei menyiarkan ranchangan Dunia Wanita pada tiap2 hari Ahad jam 8.30 pagi dan ulangan-nya pada tiap2 hari Selasa jam 8.00 pagi.

# intisari RTB minggu ini

## Dokumentari: Whicker's World — India

DALAM siri kedua pengembaraan-nya melalui bermacham bangsa di-India, Alan Whicker sampai di-Tepian Malabar dan sampai ka-tanah kechil yang terpenchil yang di-anggap-nya saperti shorga, sa-buah yang tidak di-sangka2 untok di-temui. Kerala mempunyai persatuan pembebasan wanita lebeh awal dari di-mana2 tempat di-dunia ini. Ia juga merupakan sa-buah tempat yang pertama di-dunia untok melantek sa-buah kerajaan Komunis dalam pilehan raya bebas, kira2 20 tahun yang lalu — walau pun ia-nya akan segera di-bebaskan.

Pengembaraan2 politik juga mengambil tempat, ini tidak di-ragukan, kerana ini ia-lah sa-buah tempat di-India yang paling terpelajar: sembilan dari sepuloh orang kanak2 pergi ka-sekolah dan juga menjadi sa-buah tempat yang terkenal dengan penganggor2, kerana ia-nya juga merupakan sa-buah negeri yang paling miskin, dengan 22 juta dari orang2-nya tidak bekerja. Kerana Kerala hanya boleh menanam saparoh dari padi yang diperlukan, menurut Whicker, ia-nya sekarang menjadi tempat yang di-panggil tempat "penoh fikiran dan kosong perut".

Sa-buah Koloni Nasrani telah ujud di-Cochin sabelum Koloni Kristian. Tapi sedeh-nya, Koloni yang terpenchil ini mula tidak bermaya lagi kerana hanya sedikit saja kaum Nasrani yang tinggal untok menyembah 'Synagogue' mereka yang telah berusia 400 tahun. Dalam masa 15 tahun, menurut Warden, orang2 ini akan lenyap sama sekali.

Banyak lagi penggambaran2 menarek yang di-perolehi oleh Whicker dalam pengembaraan-nya di-India—ikuti-lah siri ini selanjut-nya pada hari Selasa jam 9.25 malam.



PENERBIT Areha Sokan Awang M... siaran langsong siri perlawanan bola ... Bungsu Rendah Juruteknik dari B... dalikan siaran tersebut dari keinderaan...



KAPADA peminat siri jenaka, berhibor-lah sekali lagi dengan ... kali ini berjudol "The Garden Fete", yang akan dapat di-ikuti ... jam 8.00 malam.

Pelakun2 siri komidi ini ia-lah dari kiri ka-kanan — Geoff... Layton, Ernest Clark dan Robin Nedwell.



GIMINISTIK ada-lah merupakan satu achara yang sering menjadi satu persembahan yang begitu di-kenali bila sahaja sesuatu achara sokan di-adakan. Kelihatan bagaimana salah sa-orang dari ahli kumpolan giministik STPRI memperlihatkan kebolehan-nya di-temasha sokan STPRI yang telah berlangsong di-padang Sekolah Menengah Melayu SMJA baru2 ini.

# MSOAS (J) Johan Bolasepak Kumpolan C

BANDAR SERI BEGAWAN. —Maktab Sultan Omar Ali Saiffuddin (Menengah Bawah) telah menjadi juara dalam pertandingan akhir Bolasepak bagi kumpolan C Antara Sekolah2 Menengah Dan Maktab2 sa-negeri yang telah berlangsong di-padang Besar di-sini pada 3hb April yang baru lalu.

Maktab SOAS (Menengah Bawah) telah mengalahkan Maktab Anthony Abell Seria dari Kuala Belait dengan jaringan lima gol berbalas satu.

Pertandingan tersebut telah di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidekan Jasmani.

Sa-banyak 14 pasokan dari seluroh negeri telah mengambil bahagian ia-itu tujoh dari Daerah Brunei-Muara, empat dari Daerah Belait, dua dari Daerah Tutong dan satu lagi dari Daerah Temburong. Pertandingan tersebut telah di-jalankan sejak awal bulan Mach lalu.

Hadiah rebutan di-akhir pertandingan tersebut telah di-sampaikan oleh Timbalan Pemangku Pengarah Pelajaran Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

# KEJOHANAN CHATOR KEBANGSAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Brunei akan menganjorkan Kejohanan Chator Kebangsaan Brunei 1979 sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei Kali Ke-33 mulai awal bulan depan.

Kejohanan itu nanti akan terbahagi kapada enam bahagian saperti berikut:

1) Kejohanan Chator Kebangsaan Brunei 1979 (Bahagian I); 2) Kejohanan Chator Kebangsaan Brunei 1979 (Bahagian II); 3) Kejohanan Chator Di-Bawah Umor 18 Tahun 4) Kejohanan Chator Berpasokan — 5 orang sa-pasokan Antara Kelab2/Persatuan; 5) Kejohanan Chator Berpasokan — 5 orang sa-pasokan Antara sekolah2; 6) Kejohanan Chator antara Pengiran2 Cheteria/Pehin2, Kelab2 dan Persatuan2.

Semua perlawanan akan di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada sa-tiap hari Ahad bermula pada 6hb Mei depan. Ia-nya akan bermula dengan Kejohanan Berpasokan dan di-ikuti kemudian-nya dengan Perlawanan Chator Kebangsaan yang di-jangka akan di-jalankan pada 3hb Jun.

Kemunchak bagi kejohanan tersebut itu nanti ia-lah Perlawanan Chator antara Pengiran2 Cheteria/Pehin2, Kelab2 dan Persatuan2.

Borang2 untok menyertai kejohanan tersebut boleh di-perolehi daripada Pg Badarudin bin Pg Rabaha — Radio Talivishen, Brunei; Pg Mohammad Limbang bin PLW Pg Hj Yussof — Pejabat Penchin BSB, Brunei dan Awang Ibrahim bin Hj Ali — Jabatan Kerja Raya, BSB, Brunei.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 30hb April.




# J-k Tadbir Persatuan Iklas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Ikatan Kampong Lurong Sekuna (IKLAS) dalam mashuarat minggu lalu telah melantek sa-ramai 15 orang ahli untok menjadi ahli2 Jawatankuasa Tadbir yang baru untok mengendalikan perjalanan persatuan tersebut bagi musim tahun 1979/1980.

Nama2 dan peranan2 mereka yang di-lantek ada-lah saperti berikut:

Penasehat—Ketua Kampong Lurong Sekuna, Awang Haji Samad bin Ibrahim, Yang Dipertua — Awang Abd Latif bin Haji Ibrahim, Naib Yang Dipertua — Awang Salleh bin Kayun, Setia-Usaha Agong — Awang Ahmad bin Haji Bujang, Naib S-U Agong — Awg Rakawi bin Haji Laki, Bendahari — Awang Abd Rahman bin Mohammad, Pengerusi Tetap — Awang Abd Rahman bin Haji Bujang, Naib Pengerusi Tetap — Awang Untong bin Haji Kadir.

S/U Sosial — Awang Latif bin Haji Md Noor, S/U Kesenian/Budaya — Awang Affandi bin Haji Md Noor, S/U Penerangan — Awang Daud bin Ibrahim. S/U Ugama/Pelajaran — Awang Metussin bin Haji Metali, S/U Sokan — Awang Anuar bin Yahya, Pemereksa Kira2 I — Awang Mohammad bin Md Noor dan Pemereksa Kira2 II — Awang Ahmad bin Samad.

Selain dari itu persatuan juga telah melantek lima orang ahli2 Jawatan Kuasa biasa. Mereka ada-lah terdiri dari, Awg Salleh bin Bakir, Awg Mayassin bin Haji Samad, Awg Abdullah bin Abd Rahman, Awg Ibrahim bin Aspar dan Awg Hamidon bin Haji Bakar.

# LIAR, CHERDEK DAN MENGGEMBIRAKAN

OLEH: STEWART WAVELL

Siri 23

PENGGANTI2 Philidor di-di-Peranchis yang bersifat aneh2 meninggalkan permainan kedudokan-nya yang tersusun dan melancharkan satu zaman romantisma dan berani. Deschapelles, La Bourdonnais Saint-Amant dan Kieseritzky memperolehi kemashoran dengan permainan chator yang penoh serangan berani. Kita dapat menikmati permainan saperti ini tetapi kita tidak dapat mempelajari apa-apa dari pada-nya. Idea Philidor yang susunan rapat Bidak di-tengah2 papan-chator patut-lah di-kekalkan dengan matalamat untok membolehkan Bidak menjadi Menteri pada permainan hujong ada-lah di-selubongi oleh satu kelokekan yang tidak dapat memuaskan kehausan mereka untok mendapatkan sa-suatu yang hebat.

Mungkin mereka itu ada-lah sa-mata-mata mencherminkan semangat revolusi pada zaman itu tetapi Deschapelles ada-lah sombong, angkoh dan pendusta. Dia mendakwa telah mempelajari bermain chator dalam masa dua hari! La Bourdonnais ada-lah sa-orang fanatik chator yang chuba membingongkan lawan-nya dengan kechepatan permainan-nya. Saint-Amant ada-lah berbakat, di-perentah oleh bini, egoistik saperti banyak orang lain, dan apabila kedudokan-nya di-bidang chator terancham, ia serta-merta berhenti bermain. Mengenai Kieseritzky pula, ia ada-lah sa-orang penafsir dan penulis yang chemerlang tetapi permainan-nya kadang-kadang bijak dan kadang-kadang dangkal. Di-kelilingi oleh peminat mereka di-Cafe de la Regence, Paris, ke-empat-empat pemain ini gemar di-nilai permainan mereka sa-mata-mata pada kesuboran gerak gabong mereka.

Sementara Cafe de la Regence bersinar pada kemunchak chator Eropah, kelab2 chator di-London ada-lah berkembang subor, bersedia untok menjatohkan Deschapelles yang angkoh, La Bourdonnais, dan kemudian-nya Saint-Amant. Sa-orang bangsa Iris, Alexander McDonnell, ahli Kelab Chator Westminster ada-lah orang yang mula-mula menchabar La Bourdannais tetapi gagal. La Bourdonnais menang 44, kalah 27, dan seri 13. Berikut ada-lah permainan ke-50 mereka yang di-sifatkan sa-bagai satu permainan abadi dalam sejarah chator.

| | Puteh : La Bourdonnais | Hitam : McDonnel |
|---|---|---|
| 1. | B-d4 | B-d5 |
| 2. | B-c4 | B x B |
| 3. | B-d5 | B-f5 |
| 4. | B-d5 | B-f5 |
| 5. | K-c3 | K-f6 |
| 6. | GxB | G-c5 |
| 7. | K-f3 | M-e2 |
| 8. | G-g5 | GxB asah |
| 9. | R-f1 | G-b6 |
| 10. | M-e2 | B-f4 |
| 11. | T-d1 | G-g4 |
| 12. | B-d6 | BxB |
| 13. | K-d5 | KxK! |
| 14. | GxM | K-e3! |
| 15. | R-e1 | RxG |
| 16. | M-d3 | T-d8 |
| 17. | T-d2 | K-c6 |
| 18. | B-b3 | G-a5 |
| 19. | B-a3 | T(a8)-c8 |
| 20. | T-g1 | B-b5 |
| 21. | GxB | GxK |
| 22. | BxG | K-d4! |
| 23. | 5-c4 | Kxb asah! |
| 24. | R-f2 | KxT(d2) |
| 25. | TxB asah | R-f6 |
| 26. | T-f7 asah | R-g6 |
| 27. | T-b7 | K(d2)xG |
| 28. | BxK | TxB |
| 29. | M-b1 | G-b6 |
| 30. | R-f3 | T-c3 |
| 31. | M-a2 | K-c4 asah! |
| 32. | R-g4 | T-f6 |
| 33. | TxG | BxT |
| 34. | R-h4 | R-f6 |
| 35. | M-e2 | T-f6 |
| 36. | M-h5 | K-e3! |
| 37. | Menyerah kalah. | |

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

Tidak lama sa-lepas McDonnell meninggal dunia, Saint Amant pun pergi ka-England tetapi ia menemui sedikit sahaja tentangan yang bersunggoh-sunggoh. Walau pun begitu sa-orang anak muda yang luar biasa telah munchol — anak muda itu ia-lah Howard Staunton yang layak di-beri satu renchana untok-nya sahaja. Bobby Fischer mengulas Howard Staunton sa-bagai "penganalisa yang mendalam sa-panjang zaman". Dalam masa yang sama permainan chator berkembang pesat di-Jerman yang berpusat di-sekitar Pheiades — tempat mashor permainan chator di-Berlin. Di-antara pemain2-nya yang terkenal ada-lah Paul Rudolph von Bilguer dan Baron Tassilo von Heydebrand und der Lasa. Bilguer menulis sa-buah buku tebal bertajok *Handbuch of Chess* yang di-sifatkan sa-bagai satu kejayaan besar dalam penyelidekan. Dalam masa hidup-nya ia tidak sempat menyiapkan buku itu tetapi von der Lasa mengusahakan-nya untok di-terbitkan. Buku itu merupakan satu karya yang mempengarohi permainan chator di-Jerman sa-lama sa-ratus tahun.

Sa-belum kita meninggalkan pemain2 handalan Cafe de la Regence, sa-patah dua kata mengenai Kiesertizky, orang yang mendapat kemashoran bermain melawan Anderssen tetapi kalah. Permainan mereka itu telah menjadi mashor dan hidup abadi. Walau pun berkebolehan melakukan permainan yang mempesonakan tetapi ia kurang tabah. Hidup-nya malang, menjadi gila dan mati miskin dalam tahun 1853.

Saint-Amant ada-lah yang terakhir dalam keturunan pemain2 chator agong bangsa Peranchis. Ada-lah suatu yang aneh dan menyedehkan dalam ulasan mengenai jinias bangsa Peranchis bahawa sa-lepas kematian Saint-Amant tidak sa-orang pun pemain chator unggul bangsa Peranchis yang munchul, walau pun dalam kurun ini. Sa-bagai memperkenalkan kemunchulan Howard Staunton dan menandakan kemalapan Saint-Amant, berikut ada-lah permainan mereka di-Cafe de la Regence yang menampakkan satu kesedaran yang lebeh terhadap strateji pembukaan. Staunton bermain Puteh.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | B-d4 | B-c5 |
| 2. | B-d5 | B-f5(?) |
| 3. | K-c3 | B-d6 |
| 4. | B-e4 | BxB |
| 5. | KxB | B-e5 |
| 6. | G-g5 | M-a5 asah |
| 7. | B-c3 | G-f5 |
| 8. | K-g3 | G-g6 |
| 9. | G-d3 | GxG |
| 10. | MxG | B-g6 |
| 11. | K(g1)-e2 | G-e7 |
| 12. | K-e4 | M-b6 |
| 13. | O-O | K-d7 |
| 14. | GxG | KxG |
| 15. | K-g5 | B-h3 |
| 16. | K-e6 | K-f8 |
| 17. | KxK | TxK |
| 18. | B-b4 | BxB |
| 19. | BxB | R-f7 |
| 20. | R-h1 | R-g7 |
| 21. | B-f4 | T(a8)-d8 |
| 22. | T(a1)-d1 | B-h5 |
| 23. | M-c3 | M-b5 |
| 24. | M-d2 | T-f5 |
| 25. | K-g3 | T-f6 |
| 26. | BxB | TxT asah |
| 27. | TxT | BxB |
| 28. | M-g5 | T-d7 |
| 29. | M-e5 asah | R-h6 |
| 30. | M-h8 asah | R-g5 |
| 31. | K-e4 asah | R-g4 |
| 32. | B-h3 asah | R-h4 |
| 33. | T-f4 mat. | |

## HURAIAN MASA'ALAH 19

Sa-lepas KxB(b7) di-ikuti oleh 1. . . ., G-c6; 2. G-d6 asah, R-g8! (Sa-lepas 2. . . ., R-e8; 3. GxB(a6), K-f3 asah; 4. BxK, G(c6)xB; 5. G-b5 asah! Puteh-lah yang terkena mat, bukan-nya Hitam. Betapa chepat kedudokan terbalek!) 3. T(f1)-e1 Puteh tidak dapat mengelakkan nasib malang. 3. . . . ., K-f3 asah!; 4. BxK, G(c6)xB; 5. G-h2, B-g3! Satu penamat yang menarek. Puteh menyerah kalah.

## MASA'ALAH 20

Dengan jelas Puteh terancham kena mat, walau pun begitu Raja Hitam yang terdedah itu memberi ia peluang untok 'makan' Menteri. Bronstein-Korchnoi, Leningrad 1962.




Rajah 65

# PIALA MALAYSIA:

## Brunei 1 Pulau Pinang 3

## Brunei 0 Kedah 0

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pasokan Brunei sekali lagi telah mengechewakan para penyokong dan peminat bola sepak tanah ayer untok menchapai kemenangan di-padang sendiri apabila tewas di-tangan Pulau Pinang 1—3 dalam perlawanan Piala Malaysia yang berlangsong di-Padang Besar di-ibu negeri pada hari Sabtu 14hb. April yang lalu.

Kedudokan separoh masa pertama Brunei telah mendahului Pulau Pinang dengan satu gol yang di-jaringkan oleh Zulkifli Anis dalam minit ke-39.

Pulau Pinang yang bermain begitu tenang dan bersefahaman dalam separoh masa kedua telah dapat menyamakan kedudokan melalui ketua pasokan-nya Shukor Salleh di-minit ke-56, kemudian gol kedua di-susuli oleh Isa Bakar di-minit ke-71 dan gol ketiga hasil tendangan penalti Radzi Ahmad dalam minit ke-80.

Sementara itu walau bagaimana pun dalam perlawanan-nya dengan Kedah pada 17hb. April Brunei telah berjaya mengutip satu mata sa-telah keputusan perlawanan tersebut berakhir dengan seri 0—0.

Pasokan Brunei akan bermain sa-banyak empat kali lagi ia-itu menentang Sarawak pada hari Ahad 6hb depan di-Padang Besar sementara tiga perlawanan yang lain-nya di-luar negeri ia-itu menentang Perlis, Angkatan Tentera dan Wilayah Persekutuan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 hingga 55 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai kelulusan H.N.D. dari sa-sebuah maktab teknikal yang di-iktiraf atau City and Guilds Final Certificate dalam mata-pelajaran yang sesuai atau mempunyai kelulusan yang di-iktiraf sebanding dengan-nya.

c) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebeh daripada lapangan2 yang berikut : —

Kejuruteraan Awam; Kerja2 Pembenaan Bangunan; Ukor Kuantiti; Kerja2 Ayer dan/atau Parit dan Taliayer; Kerja2 Saloran Najis; Kejuruteraan Structural; dan Pemeliharaan dan Pembenaan Jalan2 raya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — B$1071 - 1109 - 1148 - 1186 - 1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428/ EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. TUKANG PELAN (SENIBENA) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun.

b) Lulus bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab di-perengkat Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai Diploma in Draughtsmanship dari sa-sebuah Maktab Teknikal, atau Mempuyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 melukis pelan dengan sa-sebuah Pejabat Akitek atau Jurutera Berdaftar.

d) Mesti-lah boleh menyediakan lukisan2 pelan yang lengkap serta perinchian2-nya daripada lukisan2 dimensa.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

3. PEMBANTU TEKNIK :

A. **Kejuruteraan Awam dan Bangunan :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Final Certificate dalam mata-pelajaran2 yang sesuai atau mempunyai kelayakan2 yang sebanding daripada maktab teknikal yang di-iktiraf.

c) Mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman praktikal dalam kerja2 memesan, menyelia, mengukor dan pemeliharaan Bangunan dan Jalanraya dan Perkhidmatan2 yang berkaitan.

B. **Letrik dan Jentera :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Final Certificate dalam Kejuruteraan Letrik atau Jentera atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dari sa-sebuah maktab teknikal yang di-iktiraf; atau

c) Mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebeh daripada lapangan2 yang berikut:—

Kerja2 Pemasangan Letrik; Pemeliharaan Letrik; Kejuruteraan Jentera; Rekaan dan Pemeliharaan Pendingin hawa; Pemeliharaan Peti Ais; "gas and compressed air systems".

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Cholan2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% dari-pada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Jun, 1979.

(E/225/75 — Bil : 75/1979)

---

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED NURSES COMPLEX FOR RUMAH SAKIT ISTERI SALEHA AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI**

REGISTERED Class 'A' Electrical Contractor are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Installation to Proposed Nurses Complex for Rumah Sakit Isteri Saleha at Kiulap, Bandar Seri Begaawn, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 16th April, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 8th May, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed enveloped marked :—

TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED NURSES COMPLEX FOR RUMAH SAKIT ISTERI ANAK SALEHA AT KIULAP BANDAR SERI BEGAWAN.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

---

## PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

**Suit Bil. 3B tahun 1976**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 3B TAHUN 1976

PEMOHON : WENTWORTH AGENCIES PTE. LIMITED,
G10-G11 Ground Floor,
Nehsons Building,
Singapore 2. ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : JOHN CHUNG SIEW HUA
Mini Mart Supermarket,
672 Kumbang Pasang,
Jalan Berakas,
Bandar Seri Begawan,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

---

**Suit Bil. 79 tahun 1978.**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 3 TAHUN 1978

PEMOHON : WILLIAM JACKS & CO. (SINGAPORE) PTE. LTD.
11km Bukit Timah Road,
Singapore 21. ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : MR. THOMAS CHIA NYUK FOH
(Trading under the name and style of EASTERN TRADING COMPANY)
114A, Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

---

**Suit Bli. 134 tahun 1977**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 6 TAHUN 1978

PEMOHON : DIETHELM (SINGAPORE) PTE. LTD.
No. 3 Boon Leat Terrace,
Singapore. ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : STEPHEN YONG YIN SHAK
ANTHONY TAN EWE SENG
(both trading under the name and style of TAN YONG & COMPANY)
No. 104A Kian Giap Flats
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

---

**Suit Bil. 7 tahun 1978**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 7 TAHUN 1978

PEMOHON : LINDETEVES-JACOBERG (SABAH) SDN. BHD.,
5, Tanjong Lipat Road,
Kota Kinabalu,
Sabah. ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : SIN WAH HUAT HARDWARE,
Mile 2, Jalan Gadong, Brunei.
GOH CHWEE KIAT,
Mile 2, Jalan Gadong,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

---

**Suit Bil. 138 tahun 1978**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 10 TAHUN 1978

PEMOHON : MESSRS RAYNER & CO.
(Suing as a firm)
3rd Floor, Chartered Bank Chambers,
Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia. ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : 1. CHONG TUNG FOOK/FRANCIS
2. VOON OI YIN/JOSEPHINE
(both trading under the name and style of SWAN BOOKSTORE)
Shop No. 2, Chung Hwa School Stadium,
Jalan Bunga Rambai,
Kuala Belait,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

---

**Suit Bil. 163 tahun 1978**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 15 TAHUN 1978

PEMOHON : A. C. BERRILL & CO. LIMITED,
P. O. Box 325, 42 Hagley Road,
Birmingham B16 8PP,
England. ... ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : GOH CHWEE KIAN
trading under the name and style of SIN WAH HUAT HARDWARE,
Mile 2, Jalan Gadong,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

---

**Suit Bil. 39 tahun 1978**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 16 TAHUN 1978

PEMOHON : WILLIAM JACKS & CO. (BORNEO) LTD.,
148 Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan,
Brunei. ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : MR. THOMAS CHIA NYUK FOH
(Trading under the name and style of EASTERN TRADING COMPANY)
114A, Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

---

**Suit Bil. 32 tahun 1978**

DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
DALAM MUFLIS BIL. 17 TAHUN 1978

PEMOHON : RAMSET FASTENER (S.E.A.) PTE. LTD.,
354-D Alexandra Road,
Singapore 3. ... Yang Memberi Hutang

BERKENAAN DENGAN : STEPHEN YONG YIN SHAK
ANTHONY TAN EWE SENG
(both trading under the name and style of TAN YONG & COMPANY)
No. 104A Kian Giap Flats
Jalan Kianggeh,
Brunei. ... ... Yang Berhutang

PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH

Menerima Perentah di-buat pada : 1hb. Mach, 1979.
Tarikh dan tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

PERHATIAN : Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 5hb April, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penerima*

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT DAERAH TEMBURONG

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah, Temburong, Brunei.

1. PEMANDU TINGKAT II:

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal di-Daerah Temburong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 dan 35 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu.

b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lisen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Tugas2 :**

Pemohon2 mesti-lah bersedia untok menjalankan sebarang tugas2 saperti yang di-atorkan oleh Pegawai Daerah, Temburong atau wakil-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

2. PEMANDU MOTOR-SANGKUT TINGKAT II:

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor-sangkut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kechil bagi jentera motor-sangkut dan pengalaman mengenai dengan perjalanan di-perayeran Sungai Temburong.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402-408/EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Jun, 1979.

(E/338/72 — Bil : 71/1979)

## Sa-bagai Tukang Kebun Pemberseh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Tukang Kebun/Pemberseh di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 35 tahun dan tahu menulis dan membacha. Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan melebehi umor saperti yang telah di-tetapkan, boleh-lah memohon bagi di-pertimbangkan. Mempunyai pengalaman sebagai Tukang Kebun/Pemberseh ada-lah suatu kelebehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Mei, 1979.

(E/265/74 — Bil: 61/1979)

## Di-Askar Melayu Diraja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1. IMAM :

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Perkhemahan Berakas, Perkhemahan Bolkiah, Perkhemahan Muara atau Perkhemahan Tutong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Kor'an dan mengetahui ajaran2 Ugama Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kipayah bila2 masa di-kehendaki.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 2-3 EB. 4 — $446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007.

2. BILAL :

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Perkhemahan Berakas, Perkhemahan Bolkiah, Perkhemahan Muara atau Perkhemahan Tutong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Kor'an dan mengetahui ajaran2 Ugama Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kipayah bila2 masa di-kehendaki.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3 — $370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 /EB/ 625-657-689-720-752-784.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb Mei, 1979.

(E/1658/77 — Bil : 59/1979)

## PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN KELUAR NEGERI BAGI KURSUS2 IKHTISAS DAN SA-PAROH IKHTISAS 1979 (TAMBAHAN)

1. Sa-bagai tambahan kapada Surat Keliling Jabatan Pelajaran Brunei Bil: 28/1979 bertarikh 3hb Mach, 1979, pemohon2 ada-lah di-pelawa lagi untok di-pertimbangkan mendapat Dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei bagi menjalani kursus ikhtisas atau sa-paroh ikhtisas di-luar negeri mulai tahun 1979.

2. Pemohon2 mesti-lah :
   - 2.1 Raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.
   - 2.2 Mempunyai kelulusan matapelajaran Bahasa Melayu dalam pepereksaan S.A.P. (Perengkat Biasa)/GCE (Ordinary Level) atau yang sebanding dengan-nya.
   - 2.3 Memenohi sharat akademik yang lazim bagi memasoki kursus yang di-pohonkan.
   - 2.4 Bersedia patoh kapada peratoran2 yang sedang dan yang akan di-tentukan kemudian.

3. Borang permohonan dan lain2 keterangan yang berkaitan boleh-lah di-dapatkan daripada Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Permohonn2 hendak-lah sampai ka-pejabat terma'alum tidak lewat daripada 15hb Mei, 1979. Permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

5. Pemohon2 yang memenohi sharat untok di-pertimbangkan akan di-temuduga pada satu masa yang akan di-beritahu kelak.

6. Pelawaan ini ada-lah juga termasok untok pemberian Dermasiswa Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

7. Kursus2 yang di-tawarkan ada-lah saperti berikut :

| TITLE | DURATION | MINIMUM ENTRY REQUIREMENTS |
|---|---|---|
| 1) Radio and Television Technicians | 1-2 years | 3 'O' Level subjects, preferably including English and Mathematics, Parts I and II City and Guild, with credit in part II, or an equivalent technical qualification. |
| 2) HND Civil Engineering (Building/Road/water) | 3 years Sandwich | 5 GCE passes, of which Mathematics and Physics, or Mathematics, Physics and Chemistry shall have been studied to 'A' level and a pass secured in at least one of them. |
| 3) HND Quantity Surveying | 3 years Sandwich | 4 GCE passes (one at 'A' level) including Mathematics, a physical Science and a subject requiring a facility in the use of written English. |
| 4) HND Mechanical Engineering | 3 years Sandwich | 5 GCE passes, including Mathematics and one of these two having been passed at 'A' level and the other having been studied to the same level or City and Guild 255 Mechanical Engineering Technicians Certificate Part II together with the satisfactory completion of appropriate additional study arranged by the college. |
| 5) HND Agriculture | 3 years Sandwich | 4 GCE 'O' level passes including two subjects from Group I, one of which must be either Mathematics, Physics or Physics with Chemistry; one subject from Group II and one other subject which may be but not need be, one of those included in either of these two groups.<br>**GROUP I**<br>Mathematics and Science subjects including Engineering and Agriculture.<br>**GROUP II**<br>Appropriate Arts Subjects.<br>In addition a GCE 'A' level pass in one of the following subjects:<br>Biology, Botany, Chemistry, Economics, Geology, Geography, Mathematics, Physics, Physics with Chemistry, Physical Science, Zoology. |
| 6) TEC in Telecommunication to Higher Certificate level | 5 years | GCE 'O' level in Mathematics, Physics and English OR City and Guild Part I Technician Certificate with passes at credit level or above. |
| 7) OND Civil Engineering (Building/Road/Water) | 2 years | 4 GCE 'O' level passes including Mathematics, and a suitable Physical Science subject (Physics with Chemistry is acceptable, but not General Science) OR City and and Guild Course No. 250 General Course in Engineering with a Credit in Mathematics and in Engineering Science and a pass in Engineering Drawing or Workshop materials and processes. |
| 8) OND Mechanical Engineering | | |
| 9) OND in Quantity Surveying | | 4 GCE 'O' level passes including Mathematics, a subject requiring a facility in the use of writting English and a suitable Science subject (Biological Sciences are not acceptable) OR passes in three subjects in City and Guild Course No. 625 General Course in Construction of which one must be Mathematics and the other must be at Credit level and which must include science at either pass or Credit level. |
| 10) City and Guild Course 596 Plumbing Advanced Craft, City and Guild Course 600 Construction Craft Supplementary Studies and Technical Teacher Training | | |
| 11) City and Guild Course 594 Painting and Decoration, City and Guild Course 600 Construction Craft Supplementary Studies and Technical Teacher Training | 3 year | A Credit pass in the City and Guild examination in the appropriate trade. A minimum Grade 6 pass in the BJCE examination in English : but applicants with higher qualification will be given preference. Passes in Written and Oral test are necessary. A minimum of one year industrial experience in the appropriate trade. |
| 12) City and Guild Course 205 Mechanical Engineering Craft III TEC Course equivalent to the City and Guild 255, Mechanical Engineering Technician T3 and Technical Teacher Training | | |
| 13) City and Guild course 271 Telecommunications Technician T3 and T4 with Radio and Line B and Communication Radio C specialisation and Technical Teacher Training | 3 years | A City and Guild 271 Telecommunications Technicians Certificate including Radio and Line A and a craft pass in at least one subject. A minimum of one year practical experience in Radio or Telecommunications. |
| 14) HND/OND Building Construction and Technical Teacher Training | 3 years | A Credit pass in the City and Guild 625 General Construction Course or a pass in Part I of the City and Guild 626 Construction Technicians Course or 4 passes at GCE 'O' level including English, Mathematics, Physics or Engineering Science. Preference will be given to students who have also studied Geometrical and Mechanical or Building Drawing. |
| 15) HND Poutry (Please see item 5) | | |
| 16) HND Holticulture (Please see item 5) | | |
| 17) Diploma — Rural Estate Management (Land Agency and Agriculture) | 3 years | 4 GCE passes (3 at 'A' Level) or 5 GCE passes (2 at 'A' Level). Passes must be obtained in English Language or Literature and Mathematics and from a specified list excluding craft and technical subject. |

# PERADUAN MEMBACHA AL-KOR'AN DEWASA DAERAH BRUNEI-MUARA

BANDAR SERI BEGAWAN. —Peraduan membacha kitab suchi Al-Kor'an bagi orang2 dewasa Daerah Brunei-Muara yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama mulai sekarang sedang membuka penyertaan kapada qari dan qariah di-daerah tersebut.

Peraduan itu yang terbahagi bagi pemilehan awal di-lima buah daerah mengkehendaki peserta2 mendapatkan borang dari pengerusi daerah masing2 dan di-kembalikan tidak lewat pada 6hb Mei bagi Daerah Brunei-Muara I dan II manakala bagi Daerah Brunei-Muara III, IV dan V penyertaan di-tutop pada 13hb Mei.

Pemilehan bagi peserta2 untok mewakili Daerah Brunei-Muara I dan II akan di-langsongkan pada 13hb Mei.

Peserta2 di-kehendaki mendapatkan borang dari Awang Haji Ibrahim bin Metassan, Ketua Kampong Pelambaian, Jalan Kota Batu dan peraduan akan di-jalankan di-SM. Orang Kaya Besar Imas, Subok, bagi Daerah Brunei-Muara I.

Sementara bagi peserta2 dari Daerah Brunei-Muara II borang boleh di-dapati dari Awg Haji Masri bin Rauf, Ketua Kampong Saba Laut dan peraduan akan di-langsongkan di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba.

Untok peserta2 Daerah Brunei-Muara III, IV dan V pemilehan akan di-langsongkan pada 20hb Mei.

Peraduan pemilehan akan di-jalankan di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtade Billah, Kampong Lorong Dalam bagi peserta Daerah Brunei-Muara III dan borang penyertaan boleh di-dapati dari Haji Momin bin Awang Besar, Kampong Pandai Besi 'A'.

Pemilehan peserta bagi mewakili Daerah Brunei-Muara IV, peserta2 boleh mendapatkan borang dari Pengiran Samad bin Pengiran Haji Abu Bakar, Imam Masjid Kampong Batu Marang dan peraduan akan di-langsongkan di-masjid berkenaan.

Bagi pemilehan wakil Daerah Brunei-Muara V peraduan akan di-adakan di-Masjid Kati Mahar dan borang penyertaan boleh di-dapati dari Haji Besar bin Karim, Imam Masjid Kampong Sengkurong.

Tiap2 wakil yang terpileh sa-ramai dua orang (lelaki dan perempuan) bagi tiap2 daerah akan menyertai peraduan perengkat daerah yang akan di-langsongkan di-Lagon Masjid Omar Ali Saifuddin ibunegeri pada 9hb Jun depan bagi memileh wakil ka-perengkat sa-negeri.



TUAN Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan isteri-nya telah mengadakan lawatan ka-beberapa buah Steshen Pertanian di-Daerah Brunei-Muara dan Tutong pada hari Selasa minggu lalu.

Tempat2 yang di-lawati oleh Tuan Yang Terutama itu ia-lah Steshen Ternakan Luahan, Jerudong, Ranchangan Ladang Lepasan Peladang2 Muda Pusat Pertanian Sinaut.

Di-sepanjang lawatan itu, Tuan Yang Terutama di-iringi oleh Pengarah Pertanian, Awang R. B. Woodroofe dan Timbalan-nya, Awang Abdul Hamid Jaafar yang juga telah memberikan penerangan kapada pelawat2 tersebut saperti kelihatan dalam gambar atas.—Gambar ehsan Jabatan Pertanian.

# *Kejayaan ASP Sim jalani kursus FBI*

ASP Frederick Sim Boon Kiat yang menjalani kursus 11 minggu di-Biro Penyiasatan Federal —FBI di-bawah Pejabat Keadilan Amerika Sharikat telah memperolehi beberapa kejayaan di-sepanjang beliau menjalani kursus itu.

Dalam masa 11 minggu itu ASP Sim telah menjalani tiga jenis kursus yang menguji kebolehan-nya dalam melaksanakan tugas2 sa-bagai pengaman dan penegak undang2.

Awang Sim Boon Kiat memperolehi diploma dalam bahagian kemahiran penggunaan senjata api yang melayakkan diri-nya sa-bagai sa-orang expert.

Pengajian di-bahagian ini ada-lah kursus tunggal yang di-kelolakan di-bawah projek "FBI National Academy Firearms Award" yang gambar bawah menunjokkan ketika Awg Sim di-perkenalkan dengan berjenis2 senjata api rengan yang mudah di-gunakan untok pertahanan diri dan menyerang.

Dalam "General Course of Instruction", ASP Sim juga memperolehi diploma dan beliau juga menghadhiri kursus chara melaksanakan perhubongan yang berkesan yang di-kelolakan oleh FBI Academy Faculty di-Quantice, Virginia dan di-langsongkan di-Sekolah Latehan FBI.

Kursus yang di-kendalikan oleh Akademi Kebangsaan FBI itu ada-lah bagi musim yang ke-116 yang bermula dari 17hb Januari hingga 23hb Mach yang lalu dan sa-ramai 248 pegawai yang kebanyakan-nya dari Amerika Sharikat telah di-korniakan diploma.

Penyampaian diploma itu ada-lah merupakan hari terakhir kursus2 tersebut yang di-dudoki oleh 250 orang pegawai dari 49 buah negeri termasok Puerto Rico, Kepulauan Virginia, Guam dan negara Asia saperti Brunei, Mesir, Jepun dan Filipina.

Dalam siaran akhbar-nya, FBI mengumomkan bahawa sa-jauh ini sa-ramai lebeh dari 12,649 orang pegawai telah memileki kelulusan2 dari Akademi Kebangsaan-nya sejak projek itu di-mulakan pada 7hb Julai, 1935.

Dari jumlah itu, sa-ramai 8,274 maseh lagi aktif dalam melaksanakan tugas masing2 dan ramai di-antara-nya yang telah mendapat kedudokan penting dalam perkhidmatan di-jabatan masing2.

Pengetahuan2 yang di-ajarkan oleh Akademi Kebangsaan FBI ada-lah di-bentok untok mengesankan penyelenggaraan undang2 menerusi pehak pulis, pertimbangan mahkamah, masaalah pulis di-luar bandar dan pulis ketika menghadapi masaalah2 yang berkaitan dengan gelagat masharakat.

ASP Sim sekarang telah pun memulakan tugas-nya semula di-Jabatan Pulis Diraja Brunei.




# Nahas j-raya Dua meninggal

BANDAR SERI BEGAWAN. — —Dua orang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya minggu ini di-dua tempat kejadian yang berasingan di-Seria dan di-Berakas.

Moksin bin Haji Omar, 57 tahun, sa-orang warga-negara Malaysia telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Besar di-Bandar Seri Begawan satu jam sa-telah di-masokkan ka-rumah sakit tersebut.

Allahyarham telah terlibat dalam satu kemalangan di-Pantai Berakas apabila ia terlanggar oleh sa-buah lori yang sedang berundor.

Polis melaporkan bahawa kejadian itu berlaku pada hari Ahad pukol 6.45 pagi. Pemandu lori itu telah di-tangkap pagi itu juga.

Pada hari yang sama, Lee Kwang Min, 15 tahun, telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Panaga akibat kechederaan yang di-deritai-nya dalam kemalangan jalanraya pada pada hari Sabtu, ia-itu sa-hari sabelum ia meninggal dunia.

Lee Kwang Min ada-lah salah sa-orang penumpang dalam sa-buah kereta yang mendapat kemalangan sendiri di-Batu 17 Jalan Seria-Tutong.

Pada hari Sabtu itu juga, pemandu dan penumpang sa-buah kereta telah di-masokkan ka-Rumah Sakit Besar di-sini akibat kechederaan sa-telah kereta mereka mendapat kemalangan dekat Muzium.

Sementara itu, satu peristewa kechurian telah berlaku di-sa-buah rumah di-Kampong Baru, Seria, pada pagi hari Sabtu lepas.

Menurut Pulis, sa-orang yang tidak di-kenali dengan menggunakan kekerasan telah masok ka-sebuah rumah di-kampong tersebut dan menchuri satu beg yang mengandongi mata wang Amerika, Malaysia dan Brunei. Penjahat itu juga menchuri sa-utas rantai emas yang berharga lebeh kurang $800.00.

Pehak Pulis meminta kerjasama orang ramai supaya melaporkan dengan segera jika melihat sa-barang orang yang menukar mata wang US$1.00.

Langkah2 perlu sedang di-selenggarakan oleh pulis untok mengesan penchuri itu.

# Cheramah Keselamatan Jalanraya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei akan menganjorkan cheramah2 mengenai keselamatan jalanraya kapada penuntut2 di-beberapa buah sekolah menengah dan maktab serta sekolah pertukangan di-seluroh negeri.

Menurut Setia Usaha Majlis itu, Awang Ahmad bin Haji Ibrahim, tujuan di-adakan cheramah itu ada-lah sa-bagai salah satu langkah untok memberikan kesedaran kapada penuntut2 khas-nya dan kapada orang ramai am-nya mengenai dengan keselamatan jalanraya.

Menurut beliau, cheramah yang pertama akan di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu SMJA pada 2hb Mei depan mulai jam 10.30 pagi. Cheramah2 ka-lain2 sekolah akan di-adakan pada minggu2 berikutnya dan cheramah terakhir di-jangka akan di-adakan di-Sekolah Pertukangan Bangunan Saiful Rizal dan Pusat Latehan Teknikal di-Jalan Muara pada 2hb Nobember, 1979.

Cheramah2 tersebut akan di-sampaikan oleh beberapa orang pegawai dari beberapa buah jabatan termasok dari Jabatan Pengangkutan Darat, Pulis dan Askar Melayu Diraya Brunei.

Sementara itu, Awang Ahmad juga ingin memaklumkan kapada mereka yang menyertai peraduan Mereka Simbol Majlis tersebut bahawa peraduan itu ada-lah dalam proses penyemakan dan penghakiman, dan keputusan-nya akan di-umomkan tidak berapa lama lagi.

SAMBONGAN siri ke-35, OLEH2 DARI PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA akan di-keluarkan minggu depan. — Pengarang.

# Penyampaian hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyampaian hadiah2 bagi peraduan menulis cherita kanak2 Majalah MEKAR anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka yang keputusan-nya di-umomkan akhir Februari lepas akan di-adakan pada hari Sabtu, 28hb April, 1979 ini bertempat di-Bilek Kuliah DBP mulai jam 2.15 petang.

Peraduan itu yang telah di-buka penyertaan-nya pada bulan Oktober tahun lalu terbahagi kapada dua bahagian peraduan — Bahagian 'A' untok kanak2 berumor 14 tahun ka-bawah dan Bahagian 'B' bagi kanak2 berumor 15 hingga 18 tahun.

Dalam bahagian 'A' tempat pertama di-menangi oleh Irwan bin Haji Abdul Rahman; kedua, Zurianah bte Karim dan ketiga, Awangku Arifin bin Pengiran Dahari.

Bahagian 'B', johan di-menangi oleh Susis bin Ukoi; kedua, Hamimah bte Haji Kudil dan ketiga Kefrawi bin Md Yusof. Sementara 20 orang peserta yang lain (10 orang tiap2 bahagian) menerima hadiah saguhati.

# Mashuarat Agong PGGMB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan mengadakan Mashuarat Agong Perwakilan-nya yang ke-29 pada hari Ahad 29hb April bertempat di-Dewan PGGMB. Mashuarat yang bermula jam 8.30 pagi itu akan di-rasmikan oleh Penasehat PGGMB, Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md Daud.

Sa-telah perasmain mashuarat itu, Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia akan menyampaikan hadiah kapada penuntut2 terbaik dalam pelajaran sepanjang tahun 1978 yang di-sumbangkan oleh PGGMB.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.